

18/12/2000

MIC ambil sikap berkecuali

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemimpin masyarakat India, termasuk dari MIC dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), memilih sikap berkecuali berhubung isu 83 tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu).

Hampir semua pemimpin terbabit yang dihubungi Berita Harian menganggapnya sebagai masalah yang membabitkan dua pihak berkenaan dan campur tangan pihak ketiga akan menegangkan suasana.

Walaupun begitu, ada segelintir pemimpin masyarakat India menyokong beberapa permintaan Suqiu tetapi hanya membabitkan tuntutan yang tidak bercanggah dengan peruntukan dalam Perlembagaan negara.

Seorang pemimpin MIC yang enggan disiarkan namanya berkata Suqiu perlu bersikap rasional dan bertolak ansur dalam tuntutan mereka dengan memberi keutamaan terhadap perpaduan kaum dan keharmonian negara.

"Perlu diakui bahawa Suqiu mengemukakan beberapa cadangan yang boleh diterima pakai tetapi ada yang amat keterlaluan sehingga mencabar kontrak sosial.

"Tambahan pula, Perlembagaan negara tidak membenarkan sesetengah tuntutan Suqiu, khususnya yang menyentuh hak istimewa orang Melayu dan kuota Bumiputera," katanya.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjelaskan di Parlimen bahawa tuntutan Suqiu tidak dapat diterima kerana mampu menggugat perpaduan kaum dan keamanan negara.

Sementara itu, seorang pemimpin NGO masyarakat India berpendapat bahawa berdasarkan konsep masyarakat majmuk yang diamalkan di negara ini, kaum India juga tidak boleh mengelak terkena tempias daripada kemelut antara orang Melayu dan Suqiu.

"Sebarang keputusan yang dicapai berhubung isu ini akan membabitkan kaum India juga walaupun secara umumnya kita dianggap tidak ada kena mengena dengan 83 tuntutan Suqiu.

"Justeru pemimpin masyarakat India, khususnya dalam MIC, perlu memastikan kepentingan kaum India tidak terabai," katanya.

(END)